



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI

**GARIS PANDUAN
GERAN PENYELIDIKAN
PROGRAM PADANAN INDUSTRI
Industry Matching Programme (IMaP)
TAHUN 2024**

BAHAGIAN KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN IPT
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
ARAS 7, NO. 2, MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5
62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

SENARAI KANDUNGAN

BAHAGIAN 1 (PENGENALAN)

1.1 Pendahuluan	3
1.2 Falsafah	3
1.3 Definisi	3
1.4 Tujuan	3

BAHAGIAN 2 (PERMOHONAN)

2.1 Syarat Permohonan	5
2.2 Bidang Keutaman Penyelidikan	7
2.3 Tempoh Penyelidikan	8
2.4 Siling Peruntukan	8
2.5 Hasil Penyelidikan	8

BAHAGIAN 3 (PENILAIAN)

3.1 Penilaian Permohonan	10
3.2 Kriteria Penilaian	11
3.3 Peraturan Penilaian di Peringkat Institusi	11

BAHAGIAN 4 (PEMANTAUAN)

4.1 Pelaksanaan Projek Penyelidikan	13
4.2 Pemantauan Projek Penyelidikan	13
4.3 Penentuan Prestasi Penyelidikan	15
4.4 Projek Tidak Mencapai KPI	17

BAHAGIAN 5 (PERATURAN KEWANGAN)

5.1 Kod Perbelanjaan	18
5.2 Penggunaan Peruntukan	20

BAHAGIAN 6 (KEPUTUSAN)

6.1 Pemberitahuan Keputusan dan Peruntukan	22
6.2 Dokumen Perjanjian	22

BAHAGIAN 7 (TADBIR URUS)

7.1 Struktur Tadbir Urus	24
7.2 Peranan dan Tanggungjawab	24
7.3 Pengurusan Projek	26
7.4 Kawalan dan Penalti	26
7.5 Integriti dan Etika Penyelidikan	27

LAMPIRAN

Carta Alir Permohonan	29
Carta Alir Pemantauan	30
Senarai Bidang Penyelidikan	31

BAHAGIAN 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Garis Panduan ini disediakan sebagai rujukan dan panduan bagi permohonan Skim Geran Penyelidikan Program Padanan Industri (Industry Matching Programme (IMaP)) di bawah Dana Penyelidikan Fundamental (DPF), Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

1.2 FALSAFAH

1.2.1 Universiti perlu menjadi pilihan utama kepada pihak industri sebagai rakan strategik dalam penyelidikan untuk memberi penyelesaian atau memenuhi keperluan industri melalui inovasi produk atau proses menggunakan kepakaran penyelidik. Melalui inisiatif IMaP, penglibatan industri secara langsung dalam penyelidikan dapat ditingkatkan dan dapat menggalakkan penciptaan teknologi dan inovasi dalam negara.

1.2.2 IMaP merupakan satu inisiatif yang menyokong Pelan Strategi 1.4 - Mengukuhkan Ekosistem Penyelidikan, Pembangunan, Inovasi dan Pengkomersialan dalam Pelan Induk Industri Baharu (NIMP) 2030.

1.3 DEFINISI

Dana yang diwujudkan bagi mengukuhkan penglibatan industri dalam penyelidikan sebagai rakan strategik para penyelidik dari Universiti dan Politeknik.

1.4 TUJUAN

1.4.1 Program penyelidikan ini ditawarkan kepada kakitangan akademik Universiti Awam selain Universiti Penyelidikan untuk meningkatkan penyelidikan dan pemindahan teknologi di antara Universiti/Politeknik dan industri.

- 1.4.2 Inisiatif ini dapat membantu dan menggalakkan penyelidik untuk meneruskan penyelidikan berdasarkan hasil penyelidikan awal sehingga ke penyelidikan gunaan/eksperimental yang boleh memberikan manfaat bukan sahaja kepada industri malah komuniti.
- 1.4.3 Inisiatif strategik ini dapat mengoptimumkan perkongsian sumber dana, teknologi, sumber manusia dan ilmu kepakaran di antara Universiti/Politeknik dan industri.

BAHAGIAN 2

PERMOHONAN

Pemakluman pembukaan permohonan Geran IMaP akan dilakukan melalui surat rasmi kepada Institusi untuk hebahan di peringkat Institusi. Carta alir permohonan adalah seperti di **Rajah 1**.

2.1 SYARAT PERMOHONAN

- 2.1.1 Geran ini terbuka kepada kakitangan akademik (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah dan setara) sepenuh masa di Universiti Awam selain Universiti Penyelidikan dengan kelayakan akademik sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana.
- 2.1.2 Kakitangan akademik warganegara Malaysia atau bukan warganegara Malaysia dan bertaraf tetap atau kontrak boleh memohon sebagai Ketua Projek.
- 2.1.3 Ketua Projek hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya seorang (1) penyelidik bersama warganegara Malaysia yang bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama dan dari universiti yang sama untuk dilantik sebagai Ketua Projek Seterusnya (*Next Appointed Leader*).
- 2.1.4 Penyelidik dari Universiti Penyelidikan dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) boleh menjadi Penyelidik Bersama.
- 2.1.5 Ketua Projek digalakkan untuk bekerja sama dengan kakitangan akademik dari Politeknik. Kakitangan akademik Politeknik boleh dilantik sebagai Ketua Projek Bersama (*Co-Project Leader*) atau Penyelidik Bersama dalam kumpulan penyelidikan.
- 2.1.6 Cadangan penyelidikan yang dikemukakan mestilah bukan penyelidikan fundamental.
- 2.1.7 Cadangan penyelidikan mestilah bertujuan untuk penyelesaian masalah industri atau penambahbaikan produk/proses/sistem atau lain-lain keperluan industri.

- 2.1.8 Pihak industri yang ingin dilibatkan adalah terbuka kepada syarikat tempatan atau antarabangsa.
- 2.1.9 Cadangan penyelidikan mestilah telah memperoleh *Letter of Intent* (LOI) dari pihak industri yang mengandungi naratif kebolehlaksanaan (*feasibility*) merangkumi **masalah industri, bentuk kerjasama dan jumlah sumbangan dana/geran**.
- 2.1.10 Nilai dana/geran padanan yang bersesuaian daripada industri hendaklah ditentukan berdasarkan persetujuan di antara pihak universiti dengan pihak industri.
- 2.1.11 Pihak industri perlu menyalurkan minimum 10% peruntukan daripada dana/geran padanan industri dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh surat tawaran geran atau Memorandum Perjanjian (*Memorandum of Agreement* (MoA)). Baki dana/geran padanan perlu disalurkan mengikut jadual pembayaran yang dipersetujui dalam perjanjian.
- 2.1.12 Kelulusan Jawatankuasa Etika Manusia/Haiwan (jika berkaitan) perlu disertakan bersama laporan kemajuan pertama sekiranya projek penyelidikan diluluskan.

2.2 BIDANG KEUTAMAAN PENYELIDIKAN

2.2.1 Domain Penyelidikan (*Research Domain*)

Setiap permohonan hendaklah **memenuhi salah satu (1)** daripada tujuh (7) Domain Penyelidikan seperti berikut:-

- (a) Teknologi dan Kejuruteraan (*Technology and Engineering*).
- (b) Teknologi Maklumat dan Komunikasi (*Information and Communication Technology*).
- (c) Sains Kesihatan dan Klinikal (*Clinical and Health Sciences*);
- (d) Sains Tulen dan Gunaan (*Pure and Applied Sciences*);
- (e) Sastera dan Sastera Ikhtisas (*Arts and Applied Arts*);
- (f) Sains Sosial (*Social Sciences*); atau
- (g) Warisan dan Alam Sekitar (*Environment and Heritage*).

2.2.2 Kluster Penyelidikan (*Research Cluster*)

Setiap permohonan hendaklah **memenuhi salah satu (1)** daripada lapan (8) Kluster Penyelidikan seperti berikut: -

- (a) Infrastruktur Asas (*Basic Infrastructure*);
- (b) Sekuriti dan Keselamatan Makanan (*Food Security and Safety*);
- (c) Kesihatan (*Health*);
- (d) Keselamatan Nasional (*National Security*);
- (e) Teknologi Terkehadapan dan Pembuatan Termaju (*Frontier Technologies and Advanced Manufacturing*);
- (f) Perubahan Iklim dan Alam Sekitar (*Climate Change and Environment*);
- (g) Pendidikan dan Masyarakat Madani Celik Ilmu (*Education and Knowledgeable Civil Society*); atau
- (h) Kesejahteraan Sosial dan Ekonomi (*Social and Economic Wellbeing*).

2.2.3 Permohonan ini juga hendaklah memenuhi:

- (a) 17 Anjakan Besar dalam Ekonomi MADANI;
- (b) Rangka Kerja 10-10 Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi Malaysia (*MySTIE-Malaysia Science, Technology, Innovation and Economy*);

- (c) Matlamat Pembangunan Mampan (*SDGs-Sustainable Development Goals*); dan
- (d) Kementerian yang berkaitan dengan projek yang ingin dijalankan (termasuk agensi di bawahnya).

Perincian ini boleh dirujuk di **Lampiran A**.

2.3 TEMPOH PENYELIDIKAN

2.3.1 Tempoh penyelidikan maksimum adalah **18 bulan** selepas Memorandum Perjanjian (MoA) dimeterai.

2.3.2 Ketua Projek bertanggungjawab memastikan MoA diperoleh dalam tempoh tiga (3) bulan selepas keputusan dimaklumkan oleh Kementerian.

2.4 SILING PERUNTUKAN

Siling peruntukan adalah **RM500,000.00** bagi setiap permohonan.

2.5 HASIL PENYELIDIKAN

2.5.1 Setiap projek penyelidikan mestilah menghasilkan:

2.5.1.1 Produk dengan TRL sekurang-kurangnya satu tahap lebih tinggi dari TRL asal; dan/atau

2.5.1.2 Penyelesaian masalah industri atau penambahbaikan produk/proses/sistem atau lain-lain keperluan industri seperti yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

2.5.2 Ketua Projek diwajibkan memfailkan Harta Intelek (IP):

2.5.2.1 Keutamaan adalah paten.

2.5.2.2 Ketua Projek perlu membentangkan hasil projek untuk menentukan jenis harta intelek oleh Jawatankuasa Penilaian Harta Intelek universiti masing-masing.

2.5.2.3 Ketua Projek digalakkan untuk memohon pendaftaran harta intelek di dalam negara terlebih dahulu sebelum ke peringkat antarabangsa.

- 2.5.2.4 Pemilikan dan pendapatan harta intelek yang dihasilkan melalui geran ini mestilah dipersetujui bersama sebagaimana yang dinyatakan di dalam MoA bagi pihak-pihak yang terlibat.
 - 2.5.2.5 Kos pendaftaran harta intelek boleh dibiayai oleh geran ini atau dana universiti atau industri yang terlibat.
 - 2.5.2.6 Pengurusan harta intelek adalah berdasarkan persetujuan pihak universiti dan industri.
- 2.5.3 Ketua Projek juga boleh menghasilkan output tambahan seperti berikut:
- 2.5.3.1 Laporan teknikal untuk rujukan industri (jika berkenaan)
 - 2.5.3.2 Video pendek yang meliputi proses pembangunan dan hasil penyelidikan
- 2.5.4 Serahan hasil penyelidikan (*research deliverables*) yang berpotensi untuk diterjemahkan dan dimanfaatkan oleh pihak berkepentingan.
- 2.5.5 Semua bentuk promosi hasil penyelidikan mestilah menyatakan penghargaan kepada geran IMaP dan Jabatan/Kementerian.

BAHAGIAN 3

PENILAIAN

3.1 PENILAIAN PERMOHONAN

3.1.1 Melibatkan dua (2) peringkat penilaian permohonan iaitu:

- (a) Penilaian Kertas Cadangan Penyelidikan;
- (b) Pembentangan Kertas Cadangan Penyelidikan (sekiranya diperakui di peringkat penilaian Kertas Cadangan Penyelidikan).

3.1.2 Penilaian Kertas Cadangan Penyelidikan

- (a) Penilaian permohonan dilaksanakan di peringkat Institusi masing-masing menggunakan Sistem MyGRANTS.
- (b) Setiap kertas cadangan penyelidikan perlu dinilai oleh sekurang-kurangnya dua (2) orang ahli panel penilai;
- (c) Ahli panel penilai mestilah pakar dalam bidang yang dilantik oleh Institusi, bertaraf Profesor atau Prof. Madya;
- (d) Penilaian terhadap kertas cadangan penyelidikan adalah mengikut garis panduan dan kriteria penilaian yang ditetapkan;
- (e) Sekiranya terdapat keperluan untuk menambahbaik kertas cadangan penyelidikan, panel penilai hendaklah memulangkan kertas cadangan penyelidikan tersebut kepada penyelidik untuk ditambahbaik;
- (f) Penilaian terhadap carian paten dan kolaborasi hendaklah berasaskan kepada dokumen pembuktian. Markah hanya diberikan sekiranya bukti yang disertakan adalah relevan.
- (g) Kertas cadangan yang diperakui akan dinilai seterusnya di peringkat pembentangan.

3.1.3 Pembentangan Kertas Cadangan Penyelidikan

- (a) Permohonan yang diperakui seterusnya akan dinilai melalui pembentangan kertas cadangan di Institusi masing-masing.
- (b) Pemohon dan pihak industri diwajibkan hadir ke sesi pembentangan. Kegagalan pemohon dan industri untuk hadir boleh mengakibatkan permohonan ditolak.

- (c) Penilaian adalah berdasarkan kepada kriteria penilaian yang ditetapkan oleh JPT dan/atau Institusi.
- (d) Keputusan penilaian di peringkat Institusi akan dimajukan kepada JPT, KPT untuk perakuan dan kelulusan.

3.2 KRITERIA PENILAIAN

3.2.1 Kriteria penilaian adalah berdasarkan kepada:

- a) Kesempurnaan kertas cadangan penyelidikan (*proposal*);
- b) Latar belakang projek;
- c) Kesesuaian industri;
- d) Pernyataan permasalahan industri yang jelas;
- e) *Translational Potential*;
- f) Impak projek kepada komuniti, industri, universiti, negara dan alam sekitar (*quintuple helix*);
- g) Kesesuaian/keupayaan Ketua Projek, Ketua Projek Bersama dan ahli penyelidik bersama;
- h) Cadangan penyelidikan mesti memperlihatkan potensi untuk menyumbang kepada agenda strategik negara; dan
- i) Lain-lain kriteria yang relevan.

3.2.2 Semua syarat dan peraturan yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan ini mestilah dipatuhi oleh pemohon.

3.3 PERATURAN PENILAIAN DI PERINGKAT INSTITUSI

3.3.1 Pihak Institusi bertanggungjawab:

- (a) Melantik Ahli Panel Penilai yang berkeelayakan berdasarkan kriteria panel penilai yang ditetapkan oleh JPT;
- (b) Memastikan sekurang-kurangnya dua (2) orang Ahli Panel Penilai menilai setiap permohonan;
- (c) Sekiranya terdapat percanggahan keputusan antara ahli panel pertama dan ahli panel kedua, ahli panel ketiga perlu dilantik.
- (d) Memastikan setiap permohonan dinilai oleh Ahli Panel Penilai adalah berdasarkan kepada kriteria penilaian yang ditetapkan;

- (e) RMC tidak dibenarkan untuk mengubah cadangan perakuan panel penilai;
- (f) Melantik Ahli Panel Penilai yang berwibawa menganggotai Jawatankuasa Induk Penilaian bagi sesi penilaian pembentangan. Panel penilai terdiri daripada pakar bidang, panel industri, panel KPT dan wakil agensi Kerajaan yang bersesuaian serta lain-lain pihak yang relevan untuk terlibat dalam penilaian.
- (g) Mengemukakan senarai permohonan yang disyorkan untuk perakuan dan kelulusan di peringkat JPT.

3.3.2 Pihak RMC hendaklah memastikan pemohon yang memohon geran IMaP masih kekal berkhidmat di universiti masing-masing. Pemohon yang sedang merancang untuk cuti belajar, cuti sabatikal, berpindah atau dipinjamkan ke universiti lain perlu dipertimbangkan kesesuaiannya oleh pihak RMC untuk mengemukakan permohonan.

BAHAGIAN 4

PEMANTAUAN

4.1 PELAKSANAAN PROJEK PENYELIDIKAN

- 4.1.1 Projek penyelidikan perlu dilaksanakan bermula pada tarikh yang ditetapkan. Projek penyelidikan perlu dilaksanakan mengikut kertas cadangan penyelidikan yang diluluskan.
- 4.1.2 Pihak Institusi dan penyelidik perlu memastikan sebarang permohonan perubahan terhadap kertas cadangan penyelidikan yang telah diluluskan diuruskan mengikut penetapan tadbir urus DP KPT.

4.2 PEMANTAUAN PROJEK PENYELIDIKAN

Pemantauan bagi setiap institusi dan projek penyelidikan perlu mematuhi semua kaedah pemantauan yang telah ditetapkan oleh JPT, KPT. Pengurusan, pemantauan dan pelaporan projek penyelidikan adalah dipertanggungjawabkan kepada RMC setiap institusi. Carta Alir Pemantauan geran IMaP adalah seperti di **Rajah 2**.

4.2.1 Pemantauan Berjadual

- 4.2.1.1 Setiap projek penyelidikan tertakluk kepada pemantauan berjadual sepanjang tempoh projek aktif. Pemantauan prestasi projek dilaksanakan setiap tiga (3) bulan dari tarikh projek bermula.

a) Laporan Prestasi

- (i) Ketua Projek hendaklah menghantar laporan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) pada setiap tiga (3) bulan.
- (ii) RMC hendaklah memastikan laporan dikemukakan kepada KPT melalui sistem MyGRANTS setiap enam (6) bulan berdasarkan kitaran pemantauan berkala.

b) Lawatan dan Pembentangan Projek

- (i) Lawatan tapak perlu dilaksanakan **dua (2) kali sepanjang tempoh penyelidikan**. Pemantauan lawatan tapak perlu melibatkan semua universiti. Laporan hasil lawatan tapak hendaklah dikemukakan kepada KPT dalam tempoh 14 hari dari tarikh lawatan pemantauan.
- (ii) Pemantauan secara pembentangan projek dilaksanakan pada bulan ke dua belas.

c) Laporan Teknikal dan Laporan Akhir

- (i) Pembentangan Laporan Akhir akan dijalankan di peringkat KPT.
- (ii) Ketua Projek hendaklah mengemukakan **laporan akhir dan laporan teknikal** dalam tempoh satu (1) bulan selepas tarikh tamat projek melalui sistem MyGRANTS.

4.2.1.2 Jadual pemantauan projek penyelidikan IMaP adalah seperti berikut:

TEMPOH PROJEK	FASA PEMANTAUAN	LAPORAN PEMANTAUAN
18 bulan	3 bulan (pemantauan pertama)	Laporan Prestasi
	6 bulan (pemantauan kedua)	Laporan Prestasi dan Lawatan Tapak
	9 bulan (pemantauan ketiga)	Laporan Prestasi
	12 bulan (pemantauan keempat)	Laporan Prestasi secara pembentangan (peringkat Institusi/JPT)
	15 bulan (pemantauan kelima)	Laporan Prestasi

TEMPOH PROJEK	FASA PEMANTAUAN	LAPORAN PEMANTAUAN
	18 bulan (projek tamat)	Laporan Akhir dan Lawatan Tapak (Pembentangan laporan akhir (termasuk kepada Ketua Eksekutif/Wakil Institusi/Jawatankuasa Induk Penilaian))

4.2.2 Pemantauan Tidak Berjadual

4.2.2.1 Setiap projek penyelidikan juga tertakluk kepada pemantauan tidak berjadual mengikut ketetapan dan keperluan JPT, KPT seperti berikut:

- (a) Lawatan tapak dan pengauditan.
- (b) Pelaporan semula berdasarkan syor dan keperluan mengikut syarat yang ditentukan JPT, KPT.

4.2.2.2 Pembentangan prestasi keseluruhan projek IMaP oleh TNCPI Institusi kepada JPT.

4.3 PENENTUAN PRESTASI PENYELIDIKAN

4.3.1 Jadual prestasi pelaksanaan projek yang sepatutnya dicapai mengikut tempoh adalah seperti berikut:

Tempoh projek telah berjalan	6 bulan	12 bulan	18 bulan
Peratus Belanja (%)	25%	50%	100%
Carta Perbatuan (%)	10-20%	40-60%	80-100%

4.3.2 Prestasi dan tahap kemajuan projek bagi setiap fasa pemantauan akan dinilai dan ditentukan dengan status seperti berikut:

BIL.	KEPUTUSAN PEMANTAUAN	STATUS LAPORAN
1.	Baik <i>Progressing well</i>	<u>Pencapaian melebihi prestasi minimum</u> untuk <u>kesemua kriteria</u> berikut: • Carta perbatuan • Kewangan¹ (perbelanjaan haruslah berpadanan dengan prestasi carta perbatuan semasa dan kewangan projek tahun semasa seperti yang dirancang)
2.	Memuaskan <i>On schedule</i>	<u>Pencapaian prestasi minimum</u> untuk <u>kesemua kriteria</u> berikut: • Carta Perbatuan • Kewangan¹ (perbelanjaan haruslah berpadanan dengan prestasi carta perbatuan semasa dan kewangan projek tahun semasa seperti yang dirancang)
3.	Dalam Perhatian <i>Needs Closer Monitoring</i>	<u>Tidak mencapai prestasi minimum salah satu kriteria</u> berikut: • Carta Perbatuan • Kewangan¹ (perbelanjaan haruslah berpadanan dengan prestasi carta perbatuan semasa dan kewangan projek tahun semasa seperti yang dirancang)

4.4 PROJEK TIDAK MENCAPAI KPI

Ketua Projek bagi projek yang ditamatkan, bermasalah atau gagal mencapai hasil penyelidikan yang ditetapkan akan dikenakan tindakan oleh pihak Institusi seperti berikut:

- (i) Ketua Projek dan ahli penyelidik disenaraihitam dan tidak boleh memohon sebarang geran penyelidikan baharu (geran dalam dan luar) dan tidak boleh menjadi Ketua Projek baharu sehingga penyelidikan yang bermasalah diselesaikan terlebih dahulu; atau
- (ii) Ketua Projek dan ahli penyelidik disenaraihitam bagi tempoh **dua (2) tahun** sebelum diberi kebenaran memohon mana-mana geran di bawah DP KPT; dan
- (iii) Dikenakan tindakan seperti yang termaktub dalam perjanjian, sekiranya didapati berlakunya pelanggaran terhadap perjanjian yang ditandatangani.

BAHAGIAN 5

PERATURAN KEWANGAN

5.1 KOD PERBELANJAAN

Perbelanjaan yang dibenarkan untuk pembelian, pembayaran atau perolehan di bawah geran IMaP ini hendaklah memenuhi kod perbelanjaan berikut:-

5.1.1 Vot 11000 - Upah Pembantu Penyelidik

Pelantikan Pembantu Penyelidik adalah dibenarkan dengan upah sebanyak **RM3,500.00 hingga RM5,000.00** sebulan (termasuk caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)). Kadar bayaran mestilah bersesuaian dengan skop tugas.

5.1.2 Vot 21000 - Perjalanan dan Pengangkutan

5.1.2.1 Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek.

5.1.2.2 Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 15% daripada jumlah peruntukan geran yang diluluskan.

5.1.3 Vot 24000 - Sewaan

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan. Justifikasi permohonan dan sebut harga hendaklah disertakan.

5.1.4 Vot 27000 - Bekalan dan Bahan Penyelidikan

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan. Justifikasi permohonan dan sebut harga hendaklah disertakan.

5.1.5 **Vot 28000 - Baik pulih kecil dan ubahsuai**

- 5.1.5.1 Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan. Justifikasi permohonan dan sebut harga hendaklah disertakan.
- 5.1.5.2 Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak lagi ditanggung oleh geran ini.

5.1.6 **Vot 29000 - Perkhidmatan Ikhtisas**

- 5.1.6.1 Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Justifikasi permohonan bagi setiap butiran dan sebut harga (mengikut kesesuaian butiran) hendaklah disertakan.
- 5.1.6.2 Perkhidmatan Khas / Belanja Pakai Habis
Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus atau program sangkutan jangka pendek (sekali sahaja) untuk mempelajari teknik-teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah **tidak melebihi satu (1) bulan**.
- 5.1.6.3 Pembayaran bagi memfailkan harta intelek dibenarkan. Kadar yang dimohon mestilah berpadanan dengan jenis harta intelek yang ditetapkan sebagai output/hasil penyelidikan. Manakala bayaran berkala hendaklah ditanggung oleh pihak universiti/industri.
- 5.1.6.4 Pembayaran khidmat profesional kepada pihak industri yang terlibat dalam projek penyelidikan adalah tidak dibenarkan.

5.1.7 Vot 35000 - Aksesori dan Peralatan

5.1.7.1 Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan sahaja dibenarkan. Justifikasi permohonan dan sebut harga hendaklah disertakan.

5.1.7.2 Pemilikan dan penempatan aset yang dibeli melalui geran ini mestilah dipersetujui bersama sebagaimana kandungan perjanjian yang ditandatangani oleh universiti dan industri.

5.1.7.3 Jumlah perbelanjaan untuk pembelian aksesori dan peralatan tidak boleh melebihi 40% daripada jumlah peruntukan geran yang diluluskan.

5.2 PENGGUNAAN PERUNTUKAN

5.2.1 Segala perolehan aset, bekalan dan perkhidmatan yang dilaksanakan adalah tertakluk kepada pekeliling dan prosedur yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia, Tadbir Urus Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi dan universiti.

5.2.2 Sebut harga yang diperolehi daripada penjual dalam talian (online) seperti Shopee, Lazada dan lain-lain adalah tidak dibenarkan.

5.2.3 Ketua Projek tidak dibenarkan menggunakan peruntukan geran bagi pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan.

5.2.4 Pembelian yang tidak dibenarkan menggunakan geran penyelidikan ini adalah seperti berikut:-

- (i) Pembelian peralatan ICT dan komunikasi (seperti telefon bimbit/komputer riba/mesin pencetak/kartrij dan seumpamanya);
- (ii) Pembelian peralatan storan data (seperti *external hardisk/pendrive/CD* dan seumpamanya);
- (iii) Pembelian bahan rujukan dan seumpamanya;

- (iv) Pembayaran sebarang bentuk yuran keahlian badan profesional/badan ikhtisas dan seumpamanya;
- (v) Pembayaran bil utiliti/telekomunikasi;
- (vi) Pembelian peralatan pejabat (seperti meja/kerusi dan seumpamanya);
- (vii) Pembayaran sewaan ruang/fasiliti di Institusi masing-masing;
- (viii) Penganjuran persidangan, simposium dan lain-lain;
- (ix) Pameran atau pertandingan inovasi; dan
- (x) Lain-lain pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan.

5.2.5 Walau bagaimanapun, sekiranya butiran (i) hingga (iii) di perenggan 3.2.4 adalah penting dan berkait secara langsung dengan projek penyelidikan, Ketua Projek hendaklah memohon dalam kertas cadangan penyelidikan berserta justifikasi keperluan yang kukuh dan jelas.

5.2.6 Penggunaan peruntukan geran bagi caj pengurusan/pentadbiran adalah tidak dibenarkan.

BAHAGIAN 6

KEPUTUSAN

6.1 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN DAN PERUNTUKAN

- 6.1.1 Pemakluman keputusan akan dihantar kepada Naib Canselor dan disalin kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) dan Bendahari Institusi.
- 6.1.2 Dana akan disalurkan kepada Bendahari/Kewangan Institusi berdasarkan jumlah yang diluluskan dalam surat pemakluman keputusan.
- 6.1.3 Keputusan adalah muktamad.
- 6.1.4 Pihak Institusi bertanggungjawab untuk memastikan pemohon yang berjaya masih kekal berkhidmat di institusi terbabit semasa keputusan dimaklumkan.
- 6.1.5 Pihak Institusi hendaklah memaklumkan keputusan kepada pemohon dan penawaran kepada pihak industri untuk penyediaan MoA.

6.2 DOKUMEN PERJANJIAN

6.2.1 Dokumen Perjanjian

- 6.2.1.1 Perjanjian IMaP dimeterai di antara Kementerian (diwakili oleh JPT) dengan Institusi penerima geran bagi memastikan projek penyelidikan yang dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan dan seterusnya dapat menjaga kepentingan kedua-dua pihak;
- 6.2.1.2 Pihak Institusi hendaklah memastikan dokumen perjanjian ditandatangani oleh Naib Canselor/Rektor/Ketua Eksekutif atau wakil yang diberi penurunan kuasa bagi pihak Institusi dan mengemukakan dua (2) salinan asal

dokumen perjanjian kepada JPT untuk tindakan selanjutnya. Surat penurunan kuasa hendaklah dilampirkan bersama Dokumen Perjanjian tersebut; dan

6.2.1.3 Pihak Institusi tidak dibenarkan untuk melakukan sebarang pindaan terhadap dokumen perjanjian.

6.2.1.4 Dokumen Perjanjian wajib dimatikan setem dan duti dibiayai oleh Institusi.

6.2.2 Surat Akuan Menjalankan Penyelidikan

6.2.2.1 Surat Akuan Menjalankan Penyelidikan adalah ikatan/perjanjian antara Institusi penerima geran dengan penyelidik bagi memastikan projek penyelidikan yang dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan dan seterusnya dapat menjaga kepentingan kedua-dua pihak;

6.2.2.2 Penyediaan ikatan/perjanjian ini adalah di bawah penyeliaan dan tanggungjawab Institusi masing-masing. Dokumen ini perlu disertakan bersama dokumen perjanjian dan dikemukakan kepada JPT.

BAHAGIAN 7

TADBIR URUS

7.1 STRUKTUR TADBIR URUS

Skim geran ini adalah tertakluk kepada struktur dan pelaksanaan tadbir urus Dana Penyelidikan KPT bagi memastikan pengurusan dan pemantauan yang berkesan dan teratur. Struktur tadbir urus hendaklah dipatuhi melainkan terdapat apa-apa pengecualian atau arahan daripada JPT.

7.2 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

7.2.1 Jawatankuasa Pemandu Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi (JP DP KPT)

Berperanan menentukan dasar, hala tuju dan perancangan strategik bagi Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi. Jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk meluluskan permohonan geran penyelidikan bagi semua skim geran di bawah Dana Penyelidikan Fundamental termasuk geran IMaP.

7.2.2 Jawatankuasa Teknikal Jabatan Pendidikan Tinggi (JKT JPT)

Berperanan untuk memastikan pelaksanaan dan pemantauan projek penyelidikan bagi setiap skim geran penyelidikan berkesan dan terancang. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk memperakukan permohonan yang disyorkan oleh Jawatankuasa Induk Penilaian.

7.2.3 Jawatankuasa Induk Penilaian

Berperanan sebagai panel penilai di peringkat pembentangan kertas cadangan penyelidikan. Jawatankuasa ini bertanggungjawab mengesyorkan kertas cadangan penyelidikan untuk diperaku di peringkat Jawatankuasa Teknikal JPT.

7.2.4 Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) (TNCPI)

TNCPI melalui Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) bertanggungjawab terhadap pelaksanaan geran IMaP dalam setiap peringkat. Bertanggungjawab melaporkan prestasi projek serta hasil penyelidikan IMaP secara berkala kepada JPT.

7.2.5 Ketua Projek

- 7.2.5.1 Ketua Projek bertanggungjawab sepenuhnya dalam mengemukakan permohonan dan menjalankan penyelidikan sebagaimana yang diluluskan dalam kertas cadangan penyelidikan.
- 7.2.5.2 Ketua Projek bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan penyelidikan dijalankan secara efektif memenuhi objektif, tempoh masa, peruntukan dana dan pencapaian hasil penyelidikan yang diluluskan. Ketua Projek dan ahli hendaklah menandatangani Surat Akuan Menjalankan Penyelidikan.
- 7.2.5.3 Ketua Projek Bersama bertanggungjawab membantu Ketua Projek.
- 7.2.5.4 Kelulusan Jawatankuasa Etika Manusia/Haiwan (jika berkaitan) perlu disertakan bersama laporan kemajuan pertama.
- 7.2.5.5 Kegagalan Ketua Projek mematuhi peraturan/garis panduan boleh menyebabkan pihak universiti mengenakan tindakan berdasarkan kepentingan universiti.

7.2.6 Pusat Pengurusan Penyelidikan Universiti

- 7.2.5.1 Memastikan permohonan dan pelaksanaan projek dilakukan pada tahap etika dan integriti yang tinggi. Sebarang isu berkaitan plagiarisme, etika dan integriti hendaklah diambil tindakan sewajarnya.

- 7.2.5.2 Memastikan semua projek mencapai prestasi kewangan dan kemajuan yang memuaskan berdasarkan carta perbatuan.
- 7.2.5.3 Prestasi projek perlu mencapai hasil yang telah ditetapkan dalam cadangan yang telah diluluskan.
- 7.2.5.4 Memastikan pelaksanaan projek penyelidikan mengikut tadbir urus yang ditetapkan.
- 7.2.5.5 Membentangkan laporan prestasi dan pelaksanaan geran IMaP secara keseluruhan kepada JPT.

7.3 PENGURUSAN PROJEK

- 7.3.1 Projek penyelidikan hendaklah dilaksanakan mengikut kertas cadangan penyelidikan yang telah diluluskan.
- 7.3.2 Sebarang permohonan pindaan terhadap kertas cadangan penyelidikan atau lain-lain pindaan yang tidak dinyatakan perlulah dikemukakan kepada TNCPI/RMC/Jawatankuasa yang ditentukan dan diuruskan di peringkat Institusi untuk pertimbangan dan kelulusan.
- 7.3.3 Permohonan yang dikemukakan mestilah disertakan justifikasi, perincian dan keperluan pindaan berserta dokumen sokongan (jika berkaitan) untuk pertimbangan.

7.4 KAWALAN DAN PENALTI

- 7.4.1 Prestasi projek dinilai melalui pencapaian objektif, prestasi kewangan, output dan serahan hasil penyelidikan projek. Pelaksanaan projek mestilah berdasarkan kertas cadangan penyelidikan (*proposal*) yang telah diluluskan.
- 7.4.2 Pihak Institusi perlu mengenal pasti projek lewat jadual/bermasalah dan boleh memberi ketua projek tempoh pemerhatian selama tiga (3) bulan untuk mencapai prestasi yang memuaskan.

7.4.3 Projek lewat jadual/bermasalah boleh ditamatkan sekiranya masih tidak berjaya diselesaikan.

7.4.4 Ketua projek dan ahli penyelidik yang telah dikenal pasti bermasalah boleh disenarai hitam bagi tempoh dua (2) tahun sebelum diberi kebenaran memohon mana-mana geran di bawah DP KPT.

7.4.5 Pihak universiti perlu menghantar pemakluman berhubung projek yang terlibat dalam kes-kes di Para 7.4 ini merangkumi maklumat projek, sebab-sebab penamatan, kronologi tindakan-tindakan yang telah diambil serta dokumen sokongan kepada JPT, KPT untuk rekod dan tindakan lanjut sekiranya perlu.

7.5 INTEGRITI DAN ETIKA PENYELIDIKAN

7.5.1 Penyelidikan beretika mesti diamalkan bagi menghasilkan penyelidikan yang asli dan berkualiti. Penyelidikan perlu berpandukan kepada budaya penyelidikan yang baik seperti berikut:

- (a) Menjalankan penyelidikan secara jujur dan berintegriti (termasuk mengelakkan *conflict of interest*);
- (b) Menghormati subjek penyelidikan (manusia, haiwan, persekitaran) yang digunakan;
- (c) Menggunakan dana secara berhemah; dan
- (d) Mengiktiraf peranan dan sumbangan semua pihak yang terlibat dalam penyelidikan.


7.5.2 Salah laku dalam penyelidikan yang mesti dielakkan adalah seperti berikut:

- (a) Melaporkan dapatan kajian secara tidak jujur termasuk mereka-reka data, mengubah suai data, kecuaiian dalam pengumpulan dan analisa data, melaporkan sebahagian dapatan dan memanipulasi data bagi tujuan penipuan;
- (b) Memalsukan dan menyeleweng penyelidikan termasuk kemajuan penyelidikan, membuat kenyataan yang keterlaluan dan mengetepikan laporan kajian terdahulu;


- (c) Menyalahguna dana penyelidikan atau tidak mengikut tatacara perolehan dan kewangan yang telah ditetapkan;
- (d) Menyalahguna data dan dapatan penyelidikan untuk tujuan negatif;
- (e) Memplagiat hasil kerja orang lain, mengambil tanpa izin keputusan dan kaedah penyelidik lain, mengabaikan sumbangan signifikan penyelidik lain, meniru penulisan penyelidik lain tanpa memberi penghargaan;

7.5.3 Pihak Institusi dan penyelidik juga perlu mematuhi perkara-perkara yang telah dinyatakan dalam “Malaysia Code of Responsible Conduct in Research (MCRCR)” seperti pautan <http://www.might.org.my/download/the-malaysian-code-of-responsible-conduct-in-research/>.

Rajah 1: Carta Alir Permohonan IMaP



Rajah 2: Carta Alir Pemantauan IMaP



SENARAI BIDANG PENYELIDIKAN

A. Domain Penyelidikan (Research Domain)

Setiap permohonan hendaklah **memenuhi salah satu (1)** daripada tujuh (7) Domain Penyelidikan seperti berikut:-

a) Teknologi dan Kejuruteraan (Technology and Engineering);

Kejuruteraan (Engineering)

- Mekanikal dan Pembuatan (Mechanical and Manufacturing)
- Kejuruteraan Kimia dan Proses (Chemical and Process Engineering)
- Elektrik dan Elektronik (Electrical and Electronic)
- Aeroangkasa (Aerospace)
- Bahan dan Polimer (Material and Polymer)
- Awam dan Struktur (Civil and Structural)

Teknologi (Technology):

- Tenaga dan Teknologi Hijau (Energy and Green Technology)
- Pembinaan dan Bahan Binaan (Construction and Construction Materials)
- Infrastruktur dan Pengangkutan (Infrastructure and Transportation)
- Sistem Fizikal Keselamatan (Security Physical System)

b) Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Information and Communication Technology);

- Perisian (Software)
- Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence)
- Rangkaian Komputer (Computer Network)
- Sistem Maklumat (Information System)
- Teori Pengkomputeran (Theory of Computation)
- Reka bentuk Perkakasan (Hardware Design)
- Sains Data dan Data Analitik (Data Science and Data Analytics)
- Keselamatan Siber (Cyber Security)
- Pengkomputeran Awan dan Internet Benda (Cloud Computing & IoT)
- Realiti Maya, Realiti Terimbuh dan Multimedia (Virtual Reality, Augmented Reality and Multimedia)

c) Sains Kesihatan dan Klinikal (Clinical and Health Sciences);

- Sains Perubatan Asas (Basic Medical Sciences)
- Kajian Klinikal (Clinical Studies)
- Perubatan (Medicine)
- Pembedahan (Surgery)
- Onkologi (Oncology)
- Perubatan Komuniti (Community Medicine)
- Perubatan Pencegahan (Preventive Medicine)
- Sains Kesihatan (Health Science)
- Pergigian (Dental)
- Mikrobiologi Perubatan (Medical Microbiology)
- Kejururawatan (Nursing)
- Parasitologi (Parasitology)
- Patologi (Pathology)
- Farmasi (Pharmacy)
- Farmakologi (Pharmacology)

d) Sains Tulen dan Gunaan (Pure and Applied Sciences);

- Biokimia (Biochemistry)
- Bioteknologi (Biotechnology)
- Biologi (Biology)
- Kimia (Chemistry)
- Sains Bahan (Materials Science)
- Matematik dan Statistik (Mathematics and Statistics)
- Fizik (Physics)
- Geologi dan Geosains (Geology and Geoscience)

e) Sastera dan Sastera Ikhtisas (Arts and Applied Arts);

- Bahasa dan Linguistik (Language and Linguistic)
- Kesusasteraan (Literature)
- Agama (Religion)
- Falsafah (Philosophy)
- Ketamadunan (Civilization)
- Sejarah (History)
- Seni (Art)
- Budaya (Culture)
- Pendidikan (Education)
- Pendidikan Orang Asli (Orang Asli Education)
- Polisi dan Undang-Undang (Policies and Law)
- Alam Bina (Built Environment)

f) Sains Sosial (Social Sciences);

- Antropologi (Anthropology)
- Psikologi (Psychology)
- Sosiologi (Sociology)
- Sains Politik (Political Science)
- Perniagaan (Termasuk Perakaunan, Kewangan, Pemasaran, Keusahawanan) (Business (Including Accounting, Finance, Marketing, Entrepreneurship))
- Pengurusan (Tingkah laku Organisasi) (Management (Organisational Behaviour))
- Geografi (Geography)
- Ekonomi (Economics)
- Komunikasi (Communication)
- Kajian Etnik (Ethnography)

g) Warisan dan Alam Sekitar (Environment and Heritage);

- Pelancongan (Tourism)
- Alam Sekitar (Environment)
- Perhutanan (Forestry)
- Pertanian (Agriculture)
- Marin (Marine)
- Arkeologi (Archaeology)
- Geosains (Geoscience)
- Kajian Etnik (Ethnography)
- Warisan (Heritage)
- Budaya (Culture)
- Kepelbagaian Biologi (Biodiversity)
- Kulinari (Culinary)
- Perubatan Alternatif (Alternative Medicine)
- Geomatik / Geoinformatik / Penderiaan Jauh (Geomatics/ Geoinformatics/ Remote Sensing)
- Sains Angkasa (Space Science)

B. 17 Anjakan Besar dalam Ekonomi MADANI

Setiap permohonan hendaklah **memenuhi salah satu (1)** daripada 17 Anjakan Besar (*Big Bold*) Ekonomi MADANI seperti berikut:-

- i. Tatakelola dan rangka Kerja Institusi (Governance and Institutional Framework);
- ii. Perundangan Berkaitan Rasuah (Legislation Related to Corruption);
- iii. Kemampanan Fiskal dan Sistem Kewangan (Fiscal Sustainability and Financial System);
- iv. Industri *High Growth High Value* (HGHV) berasaskan peralihan Tenaga (HGHV Industry Based on Energy Transition);
- v. Subsidi Bersasar (Targeted Subsidies);
- vi. Pembudayaan Masyarakat Madani (Enculturation of MADANI Society)
- vii. Reformasi Perlindungan Sosial (Social Protection Reform);
- viii. Perumahan untuk Rakyat (Housing for the Rakyat);
- ix. Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan (Strengthening Healthcare Services);
- x. Pengukuhan Keselamatan dan Pertahanan Negara (Strengthening National Security And Defense);
- xi. Industri HGHV Berasaskan Teknologi dan Digital (Digital- and Technology-based HGHV Industries);
- xii. Industri HGHV E&E bernilai tinggi (High value E&E HGHV Industry);
- xiii. HGHV pertanian dan industri asas tani (Agriculture and Agro-based Industry);
- xiv. Industri HGHV nadir bumi (Rare Earths HGHV Industry);
- xv. Pernerdayaan PMKS dan Perusahaan sosial (Empowering MSMEs and Social Enterprises);
- xvi. Pengukuhan jaringan pengangkutan awam (Streamlining the Public Transport Network); atau
- xvii. Ketersediaan bakat masa hadapan (Future-ready Talent).

C. Rangka Kerja 10-10 Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi Malaysia (MySTIE - Malaysian Science, Technology, Innovation and Economy)

Setiap permohonan hendaklah **memenuhi salah satu (1)** daripada sepuluh (10) Pemacu Sosioekonomi seperti berikut:-

- i. Tenaga (Energy);
- ii. Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan (Business and Financial Services);
- iii. Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Culture, Arts and Tourism);
- iv. Perubatan dan Penjagaan Kesihatan (Medical and Healthcare);
- v. Teknologi dan Sistem Pintar (Kejuruteraan dan Pembuatan Generasi Baharu) (Smart Technology and Systems (Next Generation Engineering and Manufacturing));
- vi. Bandar Pintar dan Pengangkutan (Smart Cities and Transportation)
- vii. Air dan Makanan (Water and Food);
- viii. Pertanian dan Perhutanan (Agriculture and Forestry);
- ix. Pendidikan (Education); atau
- x. Alam Sekitar dan Biodiversiti (Environment and Biodiversity).

D. Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs – Sustainable Development Goals)

Setiap permohonan hendaklah **memenuhi salah satu (1)** daripada 18 Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) seperti berikut:-

- i. SDG 1 - Tiada Kemiskinan (No Poverty);
- ii. SDG 2 - Kelaparan Sifar (Zero Hunger);
- iii. SDG 3 - Kesihatan Baik dan Kesejahteraan (Good Health and Well-being);
- iv. SDG 4 - Pendidikan Berkualiti (Quality Education);
- v. SDG 5 - Kesaksamaan Gender (Gender Equality);
- vi. SDG 6 - Air Bersih dan Sanitasi (Clean Water and Sanitation);
- vii. SDG 7 - Tenaga Berpatutan dan Bersih (Affordable and Clean Energy);
- viii. SDG 8 - Pekerjaan Yang Sesuai dan Pembangunan Ekonomi (Decent Work and Economic Growth);
- ix. SDG 9 - Industri, Inovasi dan Infrastruktur (Industry, Innovation and Infrastructure);
- x. SDG 10 - Mengurangkan Ketidaksamaan (Reduced Inequalities);
- xi. SDG 11 - Bandar dan Masyarakat Mampan (Sustainable Cities and Communities);
- xii. SDG 12 - Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab (Responsible Consumption and Production);
- xiii. SDG 13 - Tindakan Terhadap Iklim (Climate Action);
- xiv. SDG 14 - Kehidupan dalam Air (Life below Water);
- xv. SDG 15 - Kehidupan di Darat (Life on Land);
- xvi. SDG 16 - Keamanan, Keadilan dan Pertubuhan Kukuh (Peace, Justice and Strong Institutions);
- xvii. SDG 17 - Kerjasama demi Matlamat (Partnerships for the Goals); atau
- xviii. Others - Kebahagiaan dan Keharmonian Masyarakat (Societal Harmony and Happiness).

E. Kementerian yang berkaitan projek dengan projek penyelidikan ingin dijalankan (termasuk agensi di bawahnya).

Ketua Projek hendaklah mengenal pasti dan memilih salah satu yang berkaitan:

- | | | |
|-------|--------|---|
| i. | JPM | - Jabatan Perdana Menteri (Prime Minister's Department) |
| ii. | KDN | - Kementerian Dalam Negeri (Ministry of Home Affairs) |
| iii. | MOF | - Kementerian Kewangan (Ministry of Finance) |
| iv. | MINDEF | - Kementerian Pertahanan (Ministry of Defence) |
| v. | KPM | - Kementerian Pendidikan (Ministry of Education) |
| vi. | KKDW | - Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (Ministry of Rural and Regional Development) |
| vii. | KPT | - Kementerian Pendidikan Tinggi (Ministry of Higher Education) |
| viii. | KPKT | - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Ministry of Housing and Local Government) |
| ix. | MOT | - Kementerian Pengangkutan (Ministry of Transport) |
| x. | MAFS | - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (Ministry of Agriculture and Food Security) |
| xi. | KSM | - Kementerian Sumber Manusia (Ministry of Human Resources) |
| xii. | KPWKM | - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (Ministry of Women, Family and Community Development) |
| xiii. | KKM | - Kementerian Kesihatan Malaysia (Ministry of Health) |
| xiv. | KBS | - Kementerian Belia dan Sukan (Ministry of Youth and Sports) |
| xv. | KUSKOP | - Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Ministry of Entrepreneur and Cooperatives Development) |
| xvi. | KASA | - Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (Ministry of Natural Resources, Environment and Climate Change) |

xvii.	KPDN	- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (Ministry of Domestic Trade and Cost of Living)
xviii.	KLN	- Kementerian Luar Negeri (Ministry of Foreign Affairs Malaysia)
xix.	MPIC	- Kementerian Perladangan Dan Komoditi (Ministry of Plantation and Commodities)
xx.	MOSTI	- Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Ministry of Science, Technology and Innovation of Malaysia)
xxi.	MITI	- Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (Ministry of Investment, Trade and Industry)
xxii.	MOTAC	- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (Ministry of Tourism, Arts and Culture)
xxiii.	KKR	- Kementerian Kerja Raya (Ministry of Works)
xxiv.	KPN	- Kementerian Perpaduan Negara (Ministry of National Unity)
xxv.	KKMM	- Kementerian Komunikasi (Ministry of Communications)
xxvi.	MoD	- Kementerian Digital (Ministry of Digital)
xxvii.	PETRA	- Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air

Sebarang pertanyaan/maklumat tambahan boleh diajukan kepada:

**SEKSYEN PENGURUSAN PENYELIDIKAN
BAHAGIAN KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN IPT
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
ARAS 7, NO. 2, MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5
62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
NO. TEL.: 03-8870 6974 / 6975**